



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 1 TAHUN 1993

**PEMBATALAN PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 5 TAHUN 1990
MENGENAI PEMBERIAN INSENTIF KEWANGAN BERDASARKAN MERIT**

TUJUAN

1.1 Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan membatalkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1990 berikutan dengan pelaksanaan Sistem Saraan Baru dan keluarnya Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1993.

LATAR BELAKANG

2.1 Di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1990, Kerajaan telah bersetuju untuk memberi insentif kewangan kepada anggota-anggota yang telah dipilih untuk menerima anugerah perkhidmatan cemerlang.

2.2 Pemberian insentif kewangan berdasarkan merit yang diberikan kepada anggota-anggota ini merupakan hadiah atau imbuhan dalam bentuk wang atas kadar setengah sehingga sebulan gaji.

2.3 Dengan pelaksanaan Sistem Saraan Baru melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991, anggota yang menunjukkan **prestasi kerja yang cemerlang** boleh dipertimbangkan untuk diberi **pergerakan gaji secara melintang** berdasarkan peruntukan di bawah Jadual Gaji Matriks. Pergerakan gaji ini memberi peningkatan gaji yang lebih daripada pergerakan gaji secara mendatar atau menegak apabila kaedah baru ini dilaksanakan mulai 1 Januari 1993.

2.4 Berikutan dengan perkara ini, anggota yang mencapai prestasi kerja cemerlang dan diputuskan menerima pergerakan gaji melintang oleh Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji akan juga diberi anugerah perkhidmatan cemerlang, iaitu, mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1993 bertajuk "Garis Panduan Mengenai Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Perkhidmatan Awam".

2.5 Oleh kerana peruntukan di dalam Sistem Saraan Baru sudah memberi peningkatan gaji kepada anggota yang menunjukkan prestasi kerja cemerlang dalam bentuk pergerakan gaji melintang dan juga mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1993, anggota tersebut yang diberi anugerah perkhidmatan cemerlang layak juga diberi bonus sebulan gaji, maka maksud di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1990 sudah dimasukkan di bawah Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1993 itu.

2.6 Perkiraan bayaran bonus mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1993 adalah ditetapkan berdasarkan sebulan gaji pokok dan tidak termasuk apa-apa elaun lain seperti elaun memangku, imbuhan tetap khidmat awam, imbuhan tetap perumahan dan imbuhan tetap keraian. Gaji pokok yang dimaksudkan ialah mengikut gaji yang diterima sebelum pegawai mendapat pergerakan gaji secara melintang.


TARIKH KUATKUASA

3.1 Tarikh kuatkuasa Pekeliling ini adalah mulai 27 Januari 1993.

PEMBATALAN

4.1 Dengan kuatkuasanya Pekeliling ini maka Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1990 adalah dibatalkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DATO' MAHMUD BIN TAIB)
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.*

17 April 1993.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

s.k:

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun.

Semua Ketua Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.